

Dr. M: Pulihkan kekuatan MCA

Ⓟ Dr. Mahathir - Oversea trips.

HANGZHOU 25 Nov. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru supaya pihak yang menang dan yang kalah di dalam persaingan merebut pucuk pimpinan MCA supaya bekerjasama untuk mengembalikan parti itu kepada kekuatan asalnya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Encik Tan Koon Swan yang katanya "telah mencapai kemenangan yang jelas yang tidak boleh diragu - ragukan dan dipersoalkan lagi."

UM 25 NOV 1985
Dari Zainuddin Maidin

"Sekarang terserahlah kepada pimpinan baru MCA sama ada mereka hendak memainkan peranan pendamai ataupun pemecah belah," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudiannya mengingatkan semula apa yang pernah dikatakannya iaitu "di dalam sesuatu pertandingan dalam parti politik, pihak yang menang tidak harus menggondol semuanya dan pihak yang kalah juga tidak harus hilang semuanya.

"Itulah cara yang paling baik," tegasnya.

Ini, katanya adalah oleh kerana yang kalah di dalam pertandingan itu adalah juga ahli parti dan mereka juga berhak untuk bersuara kerana mereka juga mempunyai penyokong - penyokong.

Beliau menambah di dalam sistem pemilihan yang ada mereka yang tidak memegang jawatan dalam parti dan juga tidak mempunyai suara majoriti adalah tetap dianggap perlu.

Beliau menyeru supaya kedua pihak memikirkan masa depan parti dan mengembalikan kekuatan asalnya.

Sebagai Pengerusi Barisan Nasional saya menganggap soal ini adalah sangat penting kepada parti politik seperti MCA, ujarnya.

Sekiranya MCA hendak memainkan peranan yang berkesan ia mestilah menjadi sebuah badan yang kuat dan tidak berpecah belah, katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa yang kalah di dalam persaingan jawatan dalam MCA bukanlah seorang dua tetapi mereka adalah terdiri dari orang - orang yang juga mempunyai penyokong masing - masing.

Ditanya apakah dengan Tan Koon Swan mengambillalihkan pimpinan MCA maka keyakinan orang-orang Cina akan pulih semula terhadap parti itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab "ini akan memakan masa.

"Ini juga bergantung kepada tindak tanduk pimpinan baru MCA sama ada mereka hendak memainkan peranan pendamai ataupun pemecah, katanya.

Berhubung dengan kedudukan menteri-menteri MCA di dalam kabinet Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kedudukan mereka tidak begitu terikat dengan soal parti.

"Kedudukan menteri-menteri bergantung kepada faktor-faktor yang lain serta faktor yang ada kaitannya dengan parti.

"Adalah terlalu awal untuk membuat sebarang keputusan di dalam perkara ini," katanya.

Di Kuala Lumpur, Pemandu Perdana Menteri Datuk Musa Hitam hari ini berharap dengan berakhirnya pemilihan pucuk pimpinan MCA, seluruh anggota dan pemimpin parti itu akan bersatu padu bagi menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagai sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional.

Dalam satu kenyataannya, Datuk Musa berkata, keadaan itu perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran bersama demi kepentingan seluruh rakyat jelata.

"Saya percaya tamatnya proses pemilihan ini juga akan membolehkan MCA bersama-sama dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain merancang dan melaksanakan program-program pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi, di mana kekesanan itu memang sangat-sangat diperlukan oleh seluruh rakyat jelata," ujar beliau.

Dalam pemilihan itu, Encik Tan Koon Swan telah dipilih untuk memimpin MCA setelah menumpaskan Datuk Dr. Neo Yee Pan dengan majoriti 1,906 undi. Encik Tan mendapat 2,715 undi.

Sambil menyatakan rasa sukacitanya bahawa proses pemilihan dalam MCA telah selesai, Datuk Musa mengucapkan tahniah kepada Encik Tan Koon Swan di atas kemenangannya serta lain-lain calon

Musa harap ahli MCA bersatu

yang memenangi jawatan yang ditandingi.

"Tidak lupa juga saya ucapkan tahniah kepada jawatankuasa sementara yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba di atas kejayaannya mentadbirkan proses pemilihan tersebut dengan licin," tambah beliau.

Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi pula berkata, masyarakat Cina di negara

ini harus menerima keputusan pemilihan MCA semalam secara terbuka.

Katanya kepada Bernama, sebarang keputusan yang dicapai pada pemilihan semalam adalah menurus proses demokrasi dan tidak sesiapa harus mempertikaikannya.

"Jelaslah bahawa anggota-anggota MCA telahpun membuat keputusan mengenai pemimpinan yang mereka kehendaki dan pemilihan

itu tidak dipertikaikan lagi.

"Bagi saya, yang penting ialah penerimaan masyarakat Cina seluruhnya terhadap keputusan pemilihan itu yang dapat membantu mengembalikan semula kekuatan parti itu," katanya.

Beliau juga berharap pemilihan itu dan penerimaan masyarakat Cina terhadap keputusannya akan dapat mengakhiri krisis 20 bulan parti itu.

UM 26 NOV 1985